

## 3

### IMPERIALISME MEDIA DAN BUDAYA: MASALAH YANG DITEMPAH

*Rahmah Hashim \**

#### Pengenalan

Kertas ini bertujuan menguraikan secara ringkas konsep imperialisme budaya yang telah menjadi isu sosial, politik dan ekonomi bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat antarabangsa. Istilah "imperialisme" itu sendiri sudah mencerminkan satu bentuk kritikan terhadap kuasa (atau kuasa-kuasa) yang mendominasi, menggambarkan wujudnya ketidakpuasan hati, dan bahawa snya masih ada lagi masalah yang membelenggu kemerdekaan masyarakat di sebuah negara. Namun begitu, dalam suasana saling pergantungan antara kawasan pertengahan dan pinggiran dan antara negara Utara dengan Selatan<sup>1</sup>, isu perlu harus dikaitkan dengan isu pembangunan dan masalah pergantungan ekonomi di antara negara-negara Utara-Selatan. Sasaran utama dalam polemik ini ialah teknologi media yang meliputi teknologi satelit, dan media elektronik seperti televisyen, filem, dan video.

#### Media Elektronik sebagai Agen Perubahan

Mulai tahun 1960an, masyarakat di negara-negara yang dianggap sebagai negara-negara membangun termasuk Malaysia, mula "mengenali" Lucille Ball, Archie Bunker, Kojak, Magnum P.I. dan lain-lain watak fantasi dalam alam media. Dalam masa yang sama, mesej-mesej berbentuk "pembangunan" disogokkan kepada penonton sasaran dengan harapan akan memberikan kesedaran terhadap matlamat pembangunan negara dan supaya keadaan hidup yang baik seperti yang dialami oleh watak dalam Ranjau Sepanjang Jalan diubah kepada cara hidup "moden" dan "maju".

\* Rahmah hashim adalah seorang pensyarah bidang penyiaran di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

1 Istilah "Utara" dan "Selatan" digunakan dalam ertikata yang umum untuk membahagikan negara-negara dunia kepada dua hemisfera. Pembahagian ini ada hubungannya dengan taraf industrialisasi dan penggunaan teknologi yang canggih di antara kedua-dua kategori.

Pada mulanya, kemunculan media elektronik dihubungkaitkan dengan perubahan ekonomi dalam kehidupan masyarakat. Malah UNESCO sendiri memberikan perhatian yang berat kepada media massa kerana menganggap media massa boleh memberikan sumbangan kepada pembinaan negara, pengurangan buta huruf, peningkatan hasil pertanian, peningkatan nilai pemakanan dan kesihatan dan umumnya untuk memenuhi keperluan negara-negara membangun (Hedebro, 1979; Hudson, 1985, hal.5). Begitu besar harapan yang diletakkan pada media hingga ia dijangka dapat menyelesaikan semua masalah "pembangunan."

Di pihak penerima maklumat, khususnya penonton televisyen, media elektronik memberikan peluang untuk mendapatkan hiburan setiap hari di rumah sendiri. Televisyen berperanan sebagai jendela yang membuka luas dunia masyarakat tempatan. Peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling dunia dapat diketahui dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Penonton dapat membezakan kedudukan sosial, ekonomi dan cara pemikiran mereka dengan masyarakat di tempat lain.

Di pihak pemerintah, sebahagian besar kewangan negara disalurkan ke dalam industri televisyen yang moden dengan tujuan untuk "meningkatkan kebudayaan negara dan memperkuatkannya perasaan satu masyarakat, satu negara" (Hedebro, 1979, hal. 67). Walau bagaimanapun matlamat ini terbukti sukar dicapai kerana kebanyakannya negara bergantung penuh kepada program yang diimport dari negara-negara yang telah maju. Isu-isu yang ditekankan dalam program-program yang diimport itu rata-rata berkisar di sekeliling nilai, norma dan cara hidup barat yang mengutamakan materialisme. Setelah disogok dengan kisah-kisah hidup yang agak asing tetapi dianggap menarik, maka para penonton, khususnya golongan muda berkecenderungan untuk meniru cara hidup sedemikian. Ini menghasilkan gejala-gejala sosial yang bertentangan dengan nilai-nilai kemasyarakatan di negara sendiri. Tambahan pula, kos mengimport bahan-bahan perisian tersebut jauh lebih murah berbanding dengan perbelanjaan menerbitkan program di dalam negeri sendiri. Umpamanya, sebuah program popular yang diimport dari Amerika Syarikat, berharga antara M\$1,500 hingga M\$2,500. Contoh paling mahal ialah program GRAMMY AWARDS yang berharga M\$5,000 berbanding dengan sebuah hasil terbitan tempatan yang agak bermutu yang memakan belanja sekurang-kurangnya M\$20,000 untuk satu-satu episod (Ahmad Merican, 1987). Akibatnya, program televisyen mengalir masuk dengan banyaknya dari negara-negara maju ke negara-negara yang sedang membangun.

Menurut Gibbons (1985, hal.44), pendedahan kepada media massa berpotensi untuk menyedarkan dan mendorong masyarakat untuk mengubah corak hidup mereka. Tidak dinafikan juga bahawa media boleh menyemarakkan semangat cintakan negara dan mampu memberikan maklumat yang lebih mengenai berbagai aspek kehidupan, tetapi media juga berupaya menimbulkan pengharapan yang palsu bahwasanya masalah pembangunan boleh diselesaikan dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

### Perubahan — Apa dan Bagaimana?

Setelah sekian lama merasakan nikmat kehadiran teknologi media, malang bagi penggubal polisi pembangunan kerana penerima sasaran tidak banyak yang menganggap media sebagai sumber maklumat sepertimana yang diharapkan oleh pihak pemerintah. Sebaliknya saluran tersebut, khususnya media elektronik, merupakan alat memperolehi hiburan yang menyeronok dan mengkhayalkan; yang berkecenderungan melahirkan sifat individualistik; yang boleh merenggangkan hubungan di antara anggota keluarga, sahabat

handai dan jiran tetangga — tetapi yang mahu tidak mahu perlu dimiliki walaupun ada di antaranya yang harus hidup menanggung hutang. Inikah corak perubahan yang diinginkan?

Dalam menghadapi dilema ini, siapakah yang harus dipersalahkan? Adakah kerajaan yang harus disalahkan kerana tidak menyekat kemasukan budaya asing yang mencemarkan kebudayaan masyarakat sendiri? Ataupun, masyarakat sendirikah yang harus dipersalahkan kerana membiarkan diri dipengaruhi? Apakah peranan yang sepatutnya dimainkan oleh ibu bapa, para pendidik dan anggota masyarakat dalam menghadapi gejala ini?

Tahun 1980an telahpun berakhir tetapi bagaimanakah penilaian rakyat terhadap "kemajuan" yang telah dicapai hasil daripada pendedahan kepada media?

### Modenisasi dan Pembangunan

Di tahun-tahun 1960an, beberapa teori komunikasi — yang rata-rata berdasarkan persepsi dan orientasi barat — dibentuk dengan andaian bahawa media, khususnya media elektronik, boleh digunakan oleh pucuk pimpinan di negara-negara kurang maju untuk melaksanakan tugas-tugas integrasi nasional, modernisasi sosio-ekonomi, dan kesinambungan kebudayaan (Katz dan Wedell, 1977). Tanggapan ini lahir kerana pada keseluruhannya, negara dunia ketiga dianggap tidak mampu memperolehi pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan tidak berupaya mencapai modernisasi seperti mana yang digambarkan dalam model-model komunikasi sebelumnya.

Daniel Lerner, (1958) seorang sarjana komunikasi pernah menyarankan supaya negara-negara membangun dan kurang maju menukar sistem ekonomi bercorak pertanian kepada perindustrian. Mengikut kiraan beliau industrialisasi akan meningkatkan urbanisasi. Urbanisasi pula dipercayai akan menimbulkan kecenderungan untuk meningkatkan taraf literasi; taraf literasi yang meningkat tinggi di jangka mampu meningkatkan pendedahan media. Justeru itu pendedahan media diandaikan akan mempercepatkan kecenderungan untuk menambahkan penglibatan politik masyarakat. Lerner begitu yakin bahawa model barat ini sesuai dilaksanakan di seluruh dunia dan patut dijadikan panduan asas dalam perancangan pembangunan. Model Lerner jelas mencerminkan imej dan nilai kelas pertengahan Barat (khususnya Amerika) yang menyangka bahawa segala yang dilakukan di Barat boleh diterap bulat-bulat di negara lain; bahawa negara sedang membangun perlu membantarkan negara mereka jika inginkan kemajuan.

Menurut Lee (1979) dan Fejes (1981), konsep modernisasi dan pembangunan negara lahir di kalangan ahli sains sosial klasik Amerika khusus selepas perang dunia kedua. Pengkaji-pengkaji komunikasi banyak menumpukan perhatian kepada peranan yang dimainkan oleh media di dalam pembangunan di benua Afrika, Latin Amerika, dan Asia (Fejes, 1981, hal.281). Teori modernisasi ini beranggapan bahawa nilai-nilai sosial penting diubah untuk menjayakan proses pemodenan dan pembangunan di dalam negara-negara "baru muncul" dan untuk "membantu menyegerakan pemulihan negara-negara 'bebas' yang telah dilanda perang" (Lee, 1979, hal.18).

Menjelang tahun 1960an, kebanyakan negara sedang membangun mula mencapai kemerdekaan. Namun demikian hampir kesemuanya tersebut masih lagi bergantung rapat dengan negara maju terutama di bidang ekonomi, politik dan kebudayaan. Negaranegara sedang membangun banyak mengeksport bahan-bahan utama dan lebihan negara dan mengimport bahan-bahan pengeluaran industri, tenaga pakar, pelaburan, teknologi, idea, nilai dan juga institusi barat dan kebudayaan mereka (Sunkel, 1979, hal. 20). Dalam

hal ini, Jayaweera (1985, hlm.52-58), mensifatkan kemasukan teknologi ke negara-negara sedang membangun bukan sahaja dalam bentuk perkakasan tetapi juga diiringi oleh pengaruh sosio-politik-kebudayaan dan politik negara-negara maju.

Di peringkat antarabangsa, jelas bahawa kejayaan memperolehi kemerdekaan dari negara-negara penjajah di tahun-tahun 1950an dan 1960an telah bertukar kepada satu lagi bentuk imperialism yang lebih halus dan bijak. Seperti kata Rogers (1976) dan MacBride Commission (1981), berakhirnya penjajahan politik tidak menandakan detik akhir penjajahan ekonomi Barat.

### **Imperialisme Media**

Di tahun 1970an, lahir satu pendekatan baru di bidang komunikasi, yang dianggap sebagai alternatif kepada teori modenisasi yang menghadapi kegagalan. Pendekatan yang disebut "imperialisme media" atau penjajahan media, merupakan satu percubaan untuk menghadapi persoalan-persoalan yang telah diabaikan dalam model-model komunikasi yang terdahulu. Menurut Fejes (1981), imperialisme media bukan sekadar mengamati masalah pengaliran program televisyen atau berita di antara negara-negara maju dan negara dunia ketiga. Pandangan yang sempit ini, menurut beliau, mengabaikan beberapa dimensi penting dalam proses imperialisme media dan mensalahtafsirkan persoalannya yang asas.

Tenaga-tenaga luaran dan dalaman yang dipentingkan di dalam teori ini ialah:

1. Pengendalian industri media transnasional (TNC) dan peranannya dalam menstruktur perisian media dan pengalirannya di peringkat antarabangsa.
2. Keadaan yang menimbulkan pergantungan media dan hubungan yang dinamis antara faktor dalaman (seperti struktur sosial dalam negara) dan faktor luaran (seperti TNC dan institusi kewangan antarabangsa).
3. Isu Kebudayaan.

Faktor kebudayaan inilah yang berhubungkait secara rapat dengan isu imperialisme budaya. Sebahagian besar dari keimbangan yang telah disuarakan oleh pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar negeri ialah bahawa pengaruh media barat akan menggugat keutuhan dan pembangunan budaya nasional, khususnya di negara-negara dunia ketiga. Imperialisme media juga telah mengakibatkan konfrantasi ekonomi di antara negara-negara "Utara-Selatan" di tahun 1970an dan konflik budaya media di tahun-tahun kebelakangan ini.

### **Imperialisme Budaya**

Menurut Schiller (1976), imperialisme budaya dalam semua bentuk komunikasi, teknologi atau latihan yang didatangkan dari Barat tidak diterima oleh negara-negara dunia ketiga. Berdasarkan kepada konsep imperialisme budaya, timbul usul 'New World Information Order' (NWIO) di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang merupakan cambahan dari usul negara-negara dunia ketiga untuk membentuk 'New World Economic Order' (NWEO) (MacBride, 1981). Salah satu penggerak NWIO ialah pengaliran maklumat yang sehala dari negara maju ke negara kurang maju, termasuklah pengeksportan program televisyen yang berbentuk hiburan yang dibawa masuk dengan banyaknya ke negara-negara membangun tanpa pengaliran yang seimbang ke negara Utara.

Mereka yang bersetuju dengan konsep imperialisme budaya beranggapan bahawa media merupakan agen perubahan yang boleh meninggalkan kesan terhadap perlakuan dan pandangan penonton. Imperialisme budaya, mengikut tafsiran neo-Marxisme, berhubungkait dengan pemilikan dan pengawalan media dan struktur kuasa dalam masyarakat. Dalam konteks ini, imperialisme media dianggap sebahagian daripada imperialisme budaya.

### Konsep Pergantungan

Teori imperialisme yang diutarakan oleh Johan Galtung (Mowlana, 1986) membahagikan dunia ini kepada dua komuniti yang ketara iaitu komuniti yang mendominasi (Pusat atau Metropolis) dan komuniti yang bergantung kepadanya (Pinggir). Berhubung dengan media, Mowlana menyarankan adanya ikatan "pusat-pinggir" yang memperlihatkan aliran maklumat yang banyak dari pusat ke pinggir. Sebaliknya, hanya sedikit sahaja maklumat yang mengalir dari negara pinggir ke pusat ataupun di kalangan negara-negara pinggiran sendiri. Ini merupakan satu lagi keadaan yang memperkuuhkan pergantungan negara pinggir kepada negara (negara-negara) pusat.

Pendekatan imperialisme media dan budaya memang tidak boleh dipisahkan dari konsep pergantungan (dependency). Menurut Alger (1986), (Lihat Rajah 1), terdapat 3 fasa atau tahap perkembangan di dalam paradigma pergantungan. Dalam fasa pertama, pusat metropolis memberikan bantuan dalam bentuk pakarunding, barang dan perkhidmatan, serta pinjaman kepada negara pinggiran. Tahap ini dianggap sebagai usaha memoden dan membaratkan negara-negara kurang maju, yakni negara-negara pinggiran.


Pada tahap kedua, Alger mengandaikan akan lahirnya kesedaran dan pengetahuan di kalangan negara pinggiran yang memungkinkan penolakan beberapa inovasi yang tidak boleh diterima. Keadaan tersebut akan menghasilkan komunikasi dua hala di antara pusat-pinggir.

Di fasa ketiga dan terakhir, akan wujud pusat-pusat metropolis di negara-negara pinggiran yang akan berhubung dengan pusat-pusat metropolis, hasil daripada hubungan dua hala dan proses membuat keputusan di antara beberapa golongan elit di pusat dan pinggir.

Menurut model pergantungan, negara-negara membangun dipandang sebagai negara-negara pinggiran di dalam sistem ekonomi dan politik antarabangsa yang rata-rata dis-truktur berdasarkan keperluan negara-negara maju. Di dalam sistem tersebut negara-negara maju tetap mengkalkan dominasi politik dan ekonomi tanpa mengambil kira keperluan sebenar negara-negara dunia ketiga (Fejes, 1981, hal.283). Yang lebih dipentingkan oleh mereka ialah keuntungan yang boleh diraih dari negara yang didominasi melalui perdagangan antarabangsa yang tidak memperdulikan timbalbalik yang seimbang dari negara yang terlibat (Lee, hal. 42).

Antara fenomena 'pergantungan' ini ialah penembusan Perbadanan Multinasional (MNC) ke dalam negara-negara dunia ketiga, bantuan asing negara-negara maju yang mempunyai objektif politik dan polisi tertentu, dan kedudukan negara dunia ketiga yang rendah di dalam sistem kredit dan pemasaran antarabangsa. Pedagang media selalunya terdiri daripada anggota MNC dari negara besar dan berkuasa (terutama sekali Amerika Syarikat yang lengkap dengan infrastruktur media yang berkesan) dan yang paling ulung dalam hal-hal penerbitan, pengeluaran dan pengagihan. Mereka mempunyai kebolehan, kepakaran, kewangan, perkakasan dan pengalaman. Media pula tidak boleh wujud tanpa

**Rajah 1 : Teori Pergantungan**



*Sumber : Chadwick Alger (1986), Stages of Development,  
Ceramah di Ohio State University.*

perisian. Oleh yang demikian, negara Selatan berkecenderungan menggunakan perisian media dari negara Utara khususnya untuk mengisi kekurangan bahan di stesen masing-masing. Ada kalanya program-program tersebut disiarkan tanpa penapisan, tanpa pengalihan-suara dan tanpa memikirkan kesesuaianya dengan penonton sasaran. Yang penting, televisyen mesti "disuap" sepanjang hari. Masalah pengisian ini merupakan masalah yang amat sulit, kompleks dan memerlukan sumber kewangan yang besar. Umumnya, stesen televisyen di negara-negara membangun tidak mempunyai kewangan yang banyak atau tenaga kepakaran yang cukup. Pada keseluruhan para profesional media yang seharusnya kreatif sering merasa mereka "diikat dan terikat" dengan kehendak pemilik media yang mahukan polisi mereka dilaksanakan dengan berkesan.

### **Implikasi Pergantungan**

Masalah pergantungan ini juga boleh dikesan dalam struktur dalaman sesebuah negara, khususnya di antara golongan elit dalam sektor perbandaran dan golongan kurang berada di sektor luar bandar. Suara-suara dari penduduk di bandar lebih lantang dari suara-suara halus yang jauh di pendalaman. Cara hidup yang serba moden di bandar mempengaruhi keinginan mereka untuk mendapatkan serba banyak kemudahan sama ada mampu atau tidak mampu. Ini termasuklah hiburan yang dianggap perlu diperolehi dari saluran media. Bagi pihak pemilik media, kehendak pemintat (yang lantang menyuarakan pendapat) seringkali diberikan keutamaan kerana jika lebih ramai penonton yang berpuashati maka lebih banyaklah pengiklan yang mahu mendekati dan membayai kos penerbitan mereka yang tinggi. Putaran ini semakin jelas melahirkan sistem nilai yang terlalu mementingkan keseronokan sementara dan kekayaan material tanpa mengambilkira keperluan rohani yang penting untuk mengimbangkan nafsu keinginan manusia.

Menurut Lee (1979) cita-cita untuk memodenkan rakyat ternyata menimbulkan berbagai masalah termasuk jurang pemisahan yang semakin meluas di antara yang berada dan yang miskin dan perpecahan negara kepada kawasan "pusat" dan "pinggir."

Pemindahan idea dan perkakasan dari pusat ke pinggir bukan sahaja merupakan satu nilai baharu yang ditokok-tambah kepada yang lama. Lazimnya, menurut Jacques Ellul (dipetik dari Rybczynski, 1983, hal.197), tamadun yang lama akan musnah bila bertembung dengan yang baru. Bila dikaitkan dengan "kemajuan" teknologi, implikasinya ialah.

1. Semua kemajuan teknologi ada "kosnya" sendiri.
2. Semua kemajuan teknologi menimbulkan lebih banyak masalah berbanding dengan masalah yang dapat diselesaikannya.
3. Kesan negatif yang disebabkan oleh inovasi teknologi tidak boleh dipisahkan dari kesannya yang positif.
4. Semua inovasi teknologi mempunyai kesan yang tidak dapat diramal.

### **Peranan Teknologi Media dan Masyarakat**

Klapper (dipetik dalam Hedebro, 1979, hal.9) berpendapat bahawa media mempunyai kesan yang amat terhad terhadap pembangunan masyarakat. Malah media hanya memperkuuhkan sikap dan perlakuan yang telah sedia ada pada anggota masyarakat. Ternyata bahawa salah satu daripada sebab-sebab gagalnya matlamat pembangunan yang bergantung kepada media itu ialah pengagihan maklumat yang berbentuk sehalo. Unsur

kemanusiaan yang amat perlu untuk menyelesaikan masalah asas manusia tidak diambil kira atau tidak digunakan. Keperluan yang asas seperti hubungan perseorangan, pembangunan rohani dan mental, dan kesediaan penerima sasaran untuk berubah tidak dihiraukan sangat. Jika pembangunan dan perubahan disamaartikan dengan media radio dan televisyen pada tahun-tahun 1960an, kini pemilikan teknologi maklumat pulih dihubungkan dengan kemajuan dan pembangunan. Masyarakat umum cenderung menghubungkaitkan perubahan dan peningkatan taraf hidup dengan pemilikan teknologi. Malah ada yang berkecenderungan mengukur perkembangan budaya sesebuah masyarakat dengan teknologi atau artifak yang dapat dilihat atau dikaji. Pendekata, proses kemanusiaan dikaji dengan menggunakan ukuran teknikal.

Menurut Gibbons (1985, hal. 95) teknologi merupakan sebahagian besar dari bahan yang diimport dari negara maju. Beberapa buah kerajaan dan syarikat perniagaan persendirian begitu komited dengan pengimportan teknologi sedangkan industri telekomunikasi yang paling rapat hubungannya dengan polisi luar negeri. Sebagaimana harga barang diputarbelitkan di medan ekonomi negara maju, begitu jugalah pemindahan teknologi mudah terikat dengan syarat-syarat perniagaan yang lebih menguntungkan negara sumber. Kemasukan teknologi yang tidak disekat bolch membawa kepada kerosakan nilai budaya. Gibbons mencadangkan supaya negara dunia ketiga yang kaya dengan kepelbagai budaya, mempertahankan institusi kebudayaan mereka dari cabaran yang datang dari negara asing (hal.47). Beliau berpendapat bahawa media meruntuhkan sekatan sosial dan merosakkan imbalan yang halus di dalam sesebuah negara, justeru memerlukan penyesuaian sosial. Penyesuaian, perubahan, dan penukaran ini boleh menggugat kesetiaan masyarakat akibat dari keperluan sosial yang begitu berbeza. Cabaran inilah yang merupakan intipati pendekatan imperialisme budaya.

Untuk mengatasi kesan imperialisme media supaya tidak terus menguasai pemikiran dan orientasi masyarakat senegara, hubungan budaya harus dibuat secara terancang dan tidak melulu. Kebudayaan amat mudah dicemar dan dikuasai tetapi sebaliknya kebudayaan juga boleh meninggikan kedaulatan negara. Soalannya bagaimanakah negara-negara miskin harus mempertahankan kebudayaan mereka tetapi dalam masa yang sama dapat menyaingi atau sekurang-kurangnya tidak jauh ketinggalan di bidang ekonomi, sosial dan politik antarabangsa?

### Penutup

Di sebalik konsep imperialisme budaya terbayang gara-gara wujudnya pihak yang bersalah. Mungkin yang bersalah dan disalahkan ialah pihak yang menjajah, yang menjadi imperialis; mungkin juga pihak yang membiarkan dirinya dijajahi juga turut dipersalahkan. Walau bagaimanapun, imperialisme budaya mungkin wujud secara implisit. Kewujudannya dikatakan sesuatu yang "mungkin" kerana imperialisme budaya sukar untuk dikaji dan dibuktikan. Kesannya memang dapat dirasakan dan diperhatikan tetapi istilah budaya itu sendiri mempunyai pengertian yang berbeza-beza. Yang agak nyata ialah berlakunya apa yang ditafsirkan sebagai perubahan nilai dan pandangan masyarakat yang menerima inovasi dari teknologi media, juga perubahan pada yang menolak inovasi.

Yang dapat dikesan ialah corak penerimaan inovasi teknologi media. Perencanaan dan perancangan difusi teknologi rata-rata dilakukan di Pusat (sama ada Pusat Metropolis ataupun Pusat Pinggir) tanpa penglibatan dari masyarakat umum yang bakal menggunakan teknologi tersebut. Setelah perkakasan di bawa masuk baharulah difikirkan masalah yang

berkaitan dengan perolehan perisian. Tambahan pula, fenomena pergantungan khususnya kepada MNC yang membekalkan perkakasan dan perisian teknologi ini menyebabkan lahirnya sifat manja dan terlalu mengharapkan kepada satu pihak yang berkuasa. Ini menjadikan melumpuhkan sikap mahu mencuba dan berikhtiar tanpa mengharapkan semata-mata kepada bantuan dari pihak lain.

Penolakan teknologi yang membuat tulis tidak mendatangkan sebarang faedah. Yang diperlukan ialah pertimbangan yang matang antara penerimaan teknologi komunikasi (perkakasan dan perisian) dan kesesuaianya dengan persekitaran sendiri, yakni kesediaan infrastruktur dan faktor kemanusiaan dan kemasyarakatan. Dalam mengambil keputusan untuk menerima teknologi media, negara-negara Selatan berhak mengkalkan nilai, norma dan identiti sendiri. Walau bagaimanapun, para pemimpin — tidak kira kecil, besar, tua ataupun muda — juga bertanggungjawab untuk menekankan betapa besarnya nilai maklumat yang boleh diperolehi daripada media. Dalam pada itu juga, para pemimpin tidak harus lupa bahawa tanggungjawab mereka ialah untuk melindungi para pengikut daripada sebarang bentuk dominasi dan penjajahan. Sekiranya imperialisme media dan budaya itu dikatakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan, masyarakat yang berwibawa perlu menepis sebarang cabaran dengan perisian yang tahan diuji.

#### SENARAI RUJUKAN:

- Ahmad Merican. Pengarah Rancangan TV3. Temubual pada 1987, September 3.
- Alger, C. (1986, January 24). *Stages of development*. Ceramah di Communication Department, The Ohio State University, Columbus, Ohio, USA.
- Comeliau, C. (1985). *Interdependence and patterns of development*. Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.
- Fejes, F. (1981). Media Imperialism: An Assessment. *Media, Culture and Society*. 3:281-289.
- Gibbons, A. (1985). *Information, ideology and Communication: The new nations' perspectives on an intellectual revolution*. Lanham, Maryland: University of America.
- Hedebro, G. (March 1979). *Communication and Social Change in the Developing Nations: A Critical View*. USA: East- West Communication Institute. (Mimeo).
- Hudson, H. E. (1984). *When telephones reach the village: The role of telecommunications in rural development*. New Jersey: Ablex Publishing Corporation.
- Jayaweera, N. D. (1985). Assessing communication satellites. *Development: Seeds of Change*. 1:52-58.
- Katz, E. & Wedell, G. (1977). *Broadcasting in the third world: Promise and performance*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Lee, C. C. (1980). *Media imperialism reconsidered: The homogenizing of television culture*. Beverly Hills: Sage.
- Lerner, D. (1958). *The passing of traditional society: Modernizing the Middle East*. Illinois: The Free Press.
- Schiller, H.I. (1976). *Communication and cultural domination*. New York: International Arts and Sciences Press.
- Sunkel, O., & Fuenzalida, E. (1979). Transnationalization and its National Consequences, dalam Vil-lamil, J.J. (ed.) *Transnational capitalism and national development*, Atlantic Highlands: Humanities Press.
- MacBride, S. et. al. (1981). *Many Voices One World*. Paris: UNESCO.
- Mowlana, H. (1986). *Global information and world communication: New frontiers in international relations*. New York: Longman.

- Rogers, E. M. (ed.) (1976) *Communication and development: Critical perspectives*. Beverly Hills: Sage Publications
- Rybaczynski, W. (1983) *Taming the tiger: The struggle to control technology*. New York: The Viking Press